

PUCUNG SERANDAU
Purple Heron

FAMILI : Ardeidae
NAMA SAINTIFIK: *Ardea purpurea*



CIRI-CIRI

Keseluruhan warna bulu adalah gelap dengan warna coklat kemerahan pada bahagian leher dan bawah badan. Penampilan burung ini lebih ketara daripada segi bentuk dengan leher yang panjang, paruh yang agak nipis dan kaki yang boleh dilihat semasa terbang. Bagi individu dewasa, bulu sayap pada bahagian atas berwarna kelabu dengan garisan berwarna coklat kemerahan. Terdapat garis berwarna hitam di kedua-dua bahagian sisi leher. Bulu panjang di atas kepala menghala ke belakang berwarna hitam. Individu juvenil mempunyai warna coklat pada bahagian atas bulu sayap, leher berwarna coklat kemerahan pudar dengan tanda yang kurang jelas pada badan.

SAIZ

Panjang keseluruhan bagi spesies ini adalah di antara 78.0 - 90.0 sm.

MAKANAN

Ikan, amfibia, ketam, invertebrata, mamalia kecil dan anak burung.

HABITAT

Paya air tawar, paya bakau, tasik, sungai dan kadang-kadang boleh ditemui di kawasan pertemuan air pasang dan surut.

BUNYI

Mengeluarkan bunyi seperti Pucung Seriap, *A.cinerea* tetapi bernada lebih tinggi semasa terbang. Ia juga mengeluarkan bunyi *raanka* dan *rank* di sarang.

PEMBIAKAN

Membiaik secara koloni di kawasan paya di sepanjang tahun. Sarang yang besar dibina di atas pokok dengan jumlah sarang pada sesuatu pokok bergantung kepada cabang yang ada. Bilangan telur di antara 3-6 biji.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.